

Panduan Ibadah Pesakit

Oleh:

**UNIT HAL EHWAL ISLAM
 HOSPITAL MESRA IBADAH
 HOSPITAL SEGAMAT**

Kepentingan Solat Ketika Sakit

- Bukti cinta yang tidak berbelah bagi.
- Tanda kesabaran dalam menghadapi ujian.
- Tanda keinsafan ke atas dosa dan maksiat.
- Sebagai satu cara untuk memohon penyembuhan segera dari Allah.

Solat Wajib Didirikan Pada Waktunya

- Tiada sebab yang membolehkan seseorang yang wajib melakukan solat fardhu menangguhkan solat tersebut daripada waktunya melainkan orang yang tertudur atau lupa, atau dipaksa, atau orang yang melambatkannya kerana jama' dengan sebab musafir atau hujan.

**Imam asy Syirazi*

- Solat 5 waktu adalah kewajipan yang tidak boleh ditinggalkan. Selagi seseorang itu berakal, kewajipan solat tetap dituntut sekalipun dalam keuzuran (sakit) atau 'masyaqqah' (kesukaran berat), solat mesti didirikan mengikut keupayaan.

BAGAIMANA CARA BERSUCI KETIKA SAKIT?

A) Pesakit yang berbalut anggota wudhuknya (ryles tube, balutan, i.v branula, traction) :



- Hendaklah mengambil wuduk seperti biasa (atau boleh guna spray) dengan membasuh anggota wuduk yang tidak berbalut (Jabirah).
 - ❖ Anggota wuduk yang berbalut hendaklah (wajib) disapu dengan air ke atas balutannya. Jika mudharat, gugur kewajipannya. Tidak perlu dibersihkan dahulu sebelum dibalut.
 - ❖ Sah solatnya dan tidak perlu diqadha'.

B) Pesakit yang tidak boleh kena air / debu (melecur, ulser, ulser septic, selulitis, kayap) :



- Hendaklah berwuduk atau tayammum (pada bahagian anggota yang sihat) dan sembahyanglah mengikut kemampuan dan tak perlu qadha'.

C) Pesakit yang tidak boleh kena air (contohnya; kerana sangat sejuk):




- Hendaklah bertayammum. (kini debu tayammum ada dijual)
- Sah solatnya dan tidak perlu diulang.

TAYAMMUM:

Tayammum ialah menyapu debu yang bersih ke muka dan dua tangan hingga ke siku, dengan beberapa syarat. Tayammum berfungsi sebagai pengganti wuduk atau mandi wajib. Tayammum hendaklah dilakukan setelah masuk waktu solat.

CARANYA:

1. Dapatkan debu tanah yang bersih. Tekap kedua-dua tapak tangan ke atas debu dengan niat "Aku bertayammum bagi mengharuskan solat kerana Allah Ta'ala".
2. Sapu ke bahagian muka yang tidak berbalut.
3. Tekap kedua-dua tapak tangan sekali lagi ke atas debu di tempat lain. Kemudian sapu kedua belah lengan yang tidak berbalut.



D) Pesakit-pesakit lain (pengguna CBD, pengguna colostomy bag,) hendaklah :

- Pastikan telah masuk waktu solat terlebih dahulu.
- Tanggalkan hujung C.B.D
- Bersihkan tempat keluar najis (stoma bag) / ganti dengan beg yang bersih.
 - ❖ Berwuduk seperti biasa
 - ❖ Solat dengan segera.
 - ❖ Sekiranya najis keluar semasa solat, boleh teruskan solat. Ia dimaafkan kerana kesukaran.

E) Sakit Nak Bersalin (dah turun air, dah keluar tanda) dan Istihadah:

- Pastikan masuk waktu solat.
- Basuh tempat keluar darah / air mentuban dan gantikan kapas lain sebelum berwuduk.
- Mengambil wuduk dengan segera.
- Darah / air ketuban yang keluar semasa wuduk dan ketika solat adalah dimaafkan.

** Wuduk wanita ini (penghidap istihadah / penyakit lain) hanya sah untuk satu solat fardu sahaja.*

BAGAIMANA SOLAT KETIKA SAKIT?

Pesakit yang tidak mampu menunaikan solat dengan berdiri (hukum asal solat), boleh menunaikan solah mengikut kemampuan, sebagaimana susunan berikut:

1. Berdiri. Jika tidak mampu ...
2. Duduk (atas lantai / atas kerusi / atas katil dan sebagainya.) Jika tidak mampu ...
3. Mengiring atas rusuk kanan. Jika tidak mampu ...
4. Berbaring (melintang dengan kepala di atas dengan bantal.) Jika tidak mampu ...
5. Isyarat dengan mata. Jika tidak mampu ...
6. Isyarat dengan hati.

** Di samping itu, pesakit yang mengalami kesukaran mendirikan solat mengikut waktunya (contohnya, ingin menjalani pembedahan yang memakan masa lama), diharuskan menunaikan solat secara jamak (takdim atau ta'khir).*

** Pesakit yang sukar untuk menghadap qiblat ketika solat, boleh menghadap ke arah mana saja yang mudah dan selesa baginya.*

HIKMAH SAKIT:

Ingatlah, anda bukanlah orang yang malang, tapi anda telah ditakdirkan oleh Allah untuk sakit (dan berada di hospital ini) kerana sesuatu kebaikan yang anda tidak tahu. Sakit yang dideritai oleh seseorang muslim mengandungi hikmah-hikmah tertentu, antaranya:

- Sebagai **Ujian** – satu cara Allah menguji tahap kesabaran dan keimanan seseorang.
- Sebagai **Kifarah** – untuk peringatan agar kita meningkatkan ibadah kepada Allah serta untuk menghapuskan dosa.
- Untuk meningkatkan **darjat** (kedudukan) di sisi Allah, jika bersabar dan redha dengan penderitaan yang dialami.
- Peluang mendapat redha Allah.
- Meneruskan kesinambungan ibadah. Ibadah yang dilaksanakan ketika sakit, walaupun tidak sempurna, pahalanya sama seperti ibadah waktu sihat.
- Husnul khatimah. Jika ditakdirkan meninggal dunia ketika sakit, Insya Allah meninggal dalam keadaan baik dan sempat mengucap dua kalimah syahadah.

* *Ingatlah sakit itu daripada Allah dan kesembuhan juga dengan izin Allah. Oleh itu, berusaha dan berikhtiarlah untuk sembuh. Berdoa kepada Allah adalah ikhtiar yang paling utama.*

*Sihat bukanlah tanda yang Allah sayangkan seseorang. Orang yang disayangi Allah ialah orang yang **bersabar** ketika ditimpa kesusahan, dan **bersyukur** semasa mendapat kesenangan.*

ADAB SEMASA SAKIT

1. Bersabar atas penderitaan yang dialami.
2. Redha atas ketentuan Allah.
3. Mengharapkan keampunan dan rahmat Allah.
4. Bersangka baik terhadap Allah, kerana sihat dan sakit adalah ketentuannya.
5. Ketahuilah bahawa ada orang lain yang lebih menderita.
6. Tidak mengeluh atau meraung-raung.
7. Sentiasa ingat / berzikir kepada Allah.
8. Sentiasa berdoa dan bertawakkal kepada Allah.
9. Jangan putus asa untuk berubat.
10. Sentiasa menunaikan solat, mengikut kemampuan.

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ، مُذْهِبَ الْبَاسِ، اشْفِ أَنْتَ
الشَّافِي، لَا شَافِيَ إِلَّا أَنْتَ، شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَمًا.

“Ya Allah, Tuhan manusia yang menghilangkan segala penyakit, sembuhkanlah, Engkaulah yang menyembuhkan, tiada yang dapat menyembuhkan kecuali hanya Engkau, iaitu kesembuhan yang tidak meninggalkan suatu penyakit pun.”